

JPS bersiap sedia hadapi ancaman bencana luar biasa

NEGERI yang pernah mengalami bencana banjir sebelum ini tidak terlepas menerima nasib sama tahun ini, walaupun sudah ada usaha membina benteng banjir di beberapa lokasi berisiko tinggi, ia masih pada peringkat awal dan prosesnya masih mengambil masa untuk disiapkan.

Justeru, jika benar ramalan banyak pihak iaitu bencana banjir tahun ini bakal lebih buruk akibat pergerakan angin monsun yang membawa La Nina, penduduk di negeri berisiko tinggi seperti Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor perlu menggandakan persiapan mereka kerana belum ada jaminan kesan bencana dapat dikurangkan kali ini.

Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Datuk Ahmad Husaini Sulaiman, berkata beberapa projek pembinaan tambatan banjir sedang

dibina di lokasi berisiko banjir, tetapi masih memakan masa untuk disiapkan kerana masalah peruntukan.

"Kami sedang membina tambatan banjir itu termasuk di Kedah, namun ia tidak mampu disiapkan segera. Justeru, tiada jaminan daripada JPS yang banjir tahun ini tidak seburuk tahun sebelumnya kerana ia sukar diramal. Jika hujan seperti ketika banjir dulu berulang, banjir buruk akan berlaku juga.

"Cuma kami yakin, jika semua projek pembinaan itu siap nanti, bencana banjir akan dapat dikurangkan, tetapi tetap juga tiada jaminan banjir takkan berlaku kerana jika hujan datang dalam kadar melebihi sekali dalam 100 tahun, benteng yang dibina juga tidak mampu menanganinya.

"Seperti yang berlaku di Johor dan utara Semenanjung sebelum ini. Hujan memang melebihi kadar sekali dalam

100 tahun dan jika itu berlaku, terowong SMART juga takkan mampu menanganinya kerana ia juga dibina dengan mengambil kira kadar sama. Cuma, kesannya pasti tidak seteruk jika tiada langsung tambatan dibina," katanya.

Merujuk kepada bencana banjir yang berkemungkinan boleh berlaku di Kuala Lumpur, beliau percaya risikonya lebih kecil dengan teknologi terowong SMART yang berfungsi bagi melencongkan air tanpa melalui bandar raya. Sekurang-kurangnya jika kadar hujan yang melebihi 70 milimeter (mm), ia boleh terus ditangani sistem itu.

Namun, tidak dapat dinafikan sistem itu juga mempunyai hadnya. Ia juga direka dengan kadar kekuatan sekali dalam 100 tahun, sekali gus turut memungkinan Kuala Lumpur turut banjir jika hujan luar biasa. Ia senario sukar diramal seperti yang pernah ber-

laku di seluruh Johor dan terbaru melanda Bangkok.

Setakat ini, berdasarkan penelitian JPS, ada lebih sembilan peratus kawasan dalam negara berdepan dengan risiko banjir setiap kali hujan lebat, dan keadaan itu diburukkan lagi dengan pembangunan tanpa henti di sesetengah kawasan yang menebang hutan sekali gus membuka laluan kepada air untuk terus ke kawasan penduduk.

Ahmad Husaini berkata, negara ini memang berada dalam senarai antara tertinggi menerima hujan, iaitu pada kadar 3,000 hingga 3,500mm setahun dan jika sistem tambatan banjir tidak sempurna, ia pasti menyebabkan banjir mudah terjadi dan itulah kelemahan yang sedang diselesaikan kerajaan.

"Sebenarnya banyak kawasan sudah berjaya dikurangkan risiko banjir, tetapi kami akui kawasan tertentu seperti

di Kedah, Kelantan dan Perlis belum ada sistem penyelesaian banjir menyeluruh dibina. Semua projek tambatan banjir memerlukan kos besar dan itulah masalahnya.

Sebagai pelan jangka pendek menghadapi banjir, JPS melaksanakan beberapa strategi iaitu memantau keadaan semua sungai dan memastikan laluan lancar, tanpa sekatan. Selain itu, mendalamkan sungai yang sudah mula cetek. Banyak pam sudah dipasang di seluruh negara dan memastikan berfungsi.

JPS juga memastikan sistem amaran berfungsi dengan sempurna untuk memberi amaran kepada penduduk apabila perlu berpindah berdasarkan paras air sungai. Ramalan kaji cuaca juga digunakan untuk memudahkan orang ramai tahu keadaan yang bakal mereka hadapi.



Sebenarnya banyak kawasan sudah berjaya dikurangkan risiko banjir, tetapi kami akui kawasan tertentu seperti di Kedah, Kelantan dan Perlis belum ada sistem penyelesaian banjir menyeluruh dibina. Semua projek tambatan banjir memerlukan kos besar dan itulah masalahnya

Ahmad Husaini Sulaiman
Ketua Pengarah JPS